

Keunikan relik Rasulullah

RELIK Rasulullah SAW sentiasa mendapat perhatian umat Islam seluruh dunia. Ia secara amnya bermaksud barang peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia.

Terdapat lebih daripada 60 objek dikaitkan dengan Baginda SAW yang disimpan oleh dinasti-dinasti Islam dan kebanyakannya terkumpul di Istana Topkapi, Turki ketika zaman Uthmaniyah pada 1517.

Sebelum itu, relik ini disimpan di Mesir oleh pemerintah Dinasti Mamluk.

Sultan Uthmaniyah yang memerintah pada waktu pemindahan relik ini dari Mesir ke Turki ialah Sultan Selim I.

Baginda adalah seorang daripada pemerintah Uthmaniyah awal yang mempunyai ciri pemimpin Islam yang dikagumi. Pemindahan relik ini diuruskan dengan istimewa bawah seliaan dan perintah Sultan Selim sendiri.

Koleksi relik Rasulullah yang dibawa ke Turki pada masa itu termasuk tujuh barang utama iaitu barangan peribadi dan berkait dengan Rasulullah SAW secara langsung iaitu:

- Sebatang gigi yang patah sewaktu perang Uhud
- Sehelai baju
- Helai rambut
- Kesan tapak kaki Baginda
- Cop mohor
- Surat
- Panah dan pedang Rasulullah

Selain daripada koleksi tersebut, terdapat juga objek pernah dimiliki sahabat yang menjadi

Kesenian islam



Oleh **DR. ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA**

Institut Alam dan Tamadun Melayu.

Universiti Kebangsaan Malaysia.rosmahwati@ukm.edu.my

khalifah Islam selepas kewafatan Rasulullah dan sebelum pemerintahan Dinasti Uthmaniyah.

Selepas kewafatan Baginda, beberapa barang milik Baginda disimpan oleh sahabat terdekat bagi mendapatkan keberkatan kerana barangan tersebut pernah digunakan oleh Rasulullah sewaktu hayat.

Terdapat beberapa hadis diriwayatkan dalam Sahih Muslim dan Sahih Bukhari yang meriwayatkan tentang bagaimana sahabat hidup sezaman dengan Rasulullah cuba mendapat keistimewaan keberkatan Baginda dengan menyimpan barangan yang pernah digunakan atau beberapa bahagian daripada tubuh badan seperti rambut, janggut dan kuku.

Selain daripada koleksi yang berada di Turki, koleksi relik Rasulullah SAW yang lain tidak diketahui umum tentang lokasi dan pemilikinya.

PELUANG

Kira-kira 30 tahun dahulu, umat Islam di Malaysia hanya mempunyai peluang melihat koleksi relik Rasulullah ini melalui gambar-gambar yang bukan

sahaja mempunyai ruang pemerhatian terhad, malah kebanyakan daripada kualiti gambar tersebut agak kabur.

Ini kerana jarak simpanan relik tersebut yang jauh dan koleksi ini juga disimpan dengan kawalan ketat serta bukan untuk pameran biasa.

Namun pada hari ini, beberapa inisiatif dilakukan dengan membuat replika beberapa barangan milik Rasulullah berdasarkan kepada relik sebenar yang tersimpan di Istana Topkapi atau Muzium Topkapi.

Pada peringkat awal, replika dihasilkan terdiri daripada barangan yang pernah digunakan oleh Rasulullah seperti pedang, cap mohor dan panah.

Pada peringkat ini, koleksi replika juga terhad dan terkawal disebabkan kekurangan rujukan bentuk asal relik bagi tujuan penghasilan semula, namun pada hari ini replika yang berkaitan dengan bahagian tubuh badan Rasulullah juga mungkin turut dihasilkan bagi memberi gambaran lengkap kepada keseluruhan koleksi relik asli yang berada di Turki.

Rentetan daripada perkara ini, dua isu besar yang perlu diberi perhatian.

1 Pameran tidak menggunakan perkataan replika ketika pameran dijalankan. Ini atas alasan kepentingan dari segi pemasaran, komersial dan keuntungan.

2 Replika bersifat organik seperti rambut, janggut dan kuku juga dikhuatiri membawa fitnah kepada Rasulullah.



MUZIUM Topkapi yang menyimpan relik Rasulullah SAW.